

# KE MANA KITA HENDAK DIBAWA...?

## TENTU TELAH JANJI SEBELUM KITA MEMBERI ATAU BERBUAT BAIK

Nampaknya langkah Dato' Onn keluar daripada UMNO dan bercadang menubuhkan sebuah Parti Kemerdekaan Malaya telah heboh diperbincangkan orang pada masa ini di mana-mana tempat oleh kerana ada juga sebahagian besar daripada orang-orang Melayu yang kasihkan batang tubuh Dato' Onn yang menyokong bulat-bulat rancangan Dato' Onn itu yang seolah-olahnya pada pendapat saya apa jua gerak langkah Dato' Onn itu adalah pandangan mereka benar semata-mata dan patut diikuti. Hal yang demikian ini sudah tentu akan mempengaruhi kepada umum orang Melayu terutamanya pula yang menyokong itu nampaknya sebahagian orang besar-besar Melayu yang dipandang sebagai "Orang cerdik pandai Melayu" yang sudah tentu membawa sebahagian daripada orang awam terikut-ikut buta dengan tidak memikirkan keselamatan dan kesejahteraan orang Melayu pada masa yang akan datang.

## LANGKAH ONN MERBAHAYA

Di dalam kedudukan yang sedemikian ini keadaannya mereka yang berpengaruh dan dapat mempengaruhi orang Melayu tidak hairan, menurut pendapat saya, akan mudah dipengaruhi dengan diberi janji-janji berkenaan dengan iktisad yang pada masa ini dipegang terajunya oleh Dato' Onn (Reid) dan dengan jawatannya sebagai Menteri Dalam lagi satu pengaruh yang akan mencenderungkan penyokong-penyokongnya kepada menyokongnya dengan tidak memikirkan adakah tujuan-tujuan itu bermanfaat kepada keselamatan dan kesejahteraan orang Melayu pada masa akan datang atau pun bertujuan bagi menyerahkan saki baki yang ada kepada orang-orang Melayu ke tangan anak-anak dagang dan menjadilah orang-orang Melayu di dalam negeri sendiri sebagai orang-orang Melayu yang ada di Singapura dari bandar ke kampung, dari kampung ke darat; daripada berumah sendiri kepada menyewa dan menunggu saat untuk dihalau dari rumahnya - jangan dikata di dalam jawatan-jawatan kerajaan orang-orang Melayu boleh dibilang dengan jari.

Orang yang berkemajuan tentu berpendapatan bahawa mereka berhajat kepada merdeka, merdeka di dalam makna membawa

keselamatan kepada penduduk aslinya iaitu orang Melayu.

Untuk keselamatan ini tidaklah sayogianya berkejar-kejar umpama

belum lagi duduk sudah hendak berlari di dalam mana

sendi-sendi kemerdekaan itu belum lagi ditapakkan atau

diasaskan kepada anak negeri orang Melayu oleh kerana jika

tidak ada asas bagi mereka sudah tentu sebagaimana yang telah

pernah dikatakan, orang Melayu menyerahkan kerisnya kepada anak-anak

dagang untuk membunuh orang Melayu sendiri dan cara yang

sedemikian ini ialah cara derhaka yang saya percaya

tidak akan diterima dan akan dikutuk oleh orang-orang

Melayu pada masa yang akan datang.

Sudahkan masanya yang kita (Melayu) cukup layak memegang

kemerdekaan yang dicita-cita dan dianjurkan oleh Dato' Onn?

Inilah satu perkara yang patut dihalusi dan difikirkan

oleh tiap-tiap orang Melayu. Orang Melayu dengan perantaraan

Raja-rajanya telah membuat suatu perjanjian Federation dengan

kerajaan British dan di dalam perjanjian itu termaktub

suatu janji kerajaan British berusaha "melayakkan

orang-orang Melayu memerintah di dalam negerinya sendiri" tetapi

dengan apakah langkah yang dibuat untuk melayakkan orang-orang Melayu

memerintah negerinya? Apakah yang telah dibuat oleh pihak pertadbiran

British terhadap kepada orang-orang Melayu semenjak tiga tahun perjanjian itu dijelaskan? Apakah langkah-langkah yang dibuat bagi “melayakkan orang-orang Melayu memerintah di dalam negerinya sendiri”? Reid?! Adakah ini suatu umpan untuk mengaburi orang-orang Melayu? Saya percaya bantuan dengan jalan Reid itu tidak akan diberi kepada penduduk di Tanah Melayu sekiranya tidak kerana bertujuan untuk melemahkan kedudukan dan dakyah penjahat-penjahat yang bermaharajalela pada masa ini dan kedudukan di sekeliling di Semenanjung Tanah Melayu.

Pada pendapat saya inilah suatu umpan untuk meleburkan orang-orang Melayu menyerahkan kerisnya kepada anak-anak dagang supaya hak mutlak mereka tercabut dan supaya kedaulatan Raja-raja Melayu hilang di negerinya sendiri. Kita mengetahui bahawa orang Melayu lemah iktisadnya; orang Melayu tidak mempunyai kesungguhan untuk menghantarkan anak-anaknya ke sekolah-sekolah tinggi dan mana-mana yang dapat belajar itu boleh dikata anak-anak orang besar-besar negeri dan orang yang mampu sahaja sedang bilangannya jika dibandingkan dengan anak-anak dagang memegang teraju pemerintahan negeri jika terjadi kemerdekaan yang dicita-cita oleh Dato' Onn?

Menurut pendapat saya bahawa kemerdekaan yang sebegitu cepat adalah merbahaya kepada keselamatan orang-orang Melayu. Orang-orang Melayu patut lebih dahulu mendapat latihan yang luas di dalam serba serbi pelajaran yang melayakkan mereka memerintah negerinya. Jika tidak cagar-an-cagar-an yang demikian ini diberi untuk disiapkan bagi keselamatannya pada masa yang akan datang maka percayalah bahawa kehidupan orang Melayu akan menjadi kucar kacir. Segala jabatan-jabatan dalam Jabatan Kerajaan akan jatuh ke tangan suku sakat Dato' Tan Cheng Lock dan Dato' Thuraisingham (sahabat-sahabat Dato' Onn yang telah berkempen menyambut dan memuji-muji langkahnya memberi muka kepada anak dagang); kerusi-kerusi pengerusi daripada Raja-raja Melayu akan diduduki oleh mereka itu dan dengan demikian Melayu karam dalam negerinya dan agamanya akan menunggu belas kasihan daripada orang-orang yang telah dijulang dan diberi muka itu.

Jika mereka berkuasa sebagaimana kita lihat beberapa zaman yang lampau adakah mereka akan mahu memikirkan hal orang Melayu? Adakah mereka kelak mahu meletakkan undang-undang yang utama memelihara bangsa kita dan kehidupan kita? Adakah mereka mahu menanggung belanja anak-anak kita di sekolah-sekolah tinggi, di madrasah-madrasah dan sebagainya? Percayalah yang demikian itu jauh panggang dari api sebab kita orang Melayu mengetahui bagaimana tabiat dan kelakuan mereka itu? Kita mengetahui bagaimana “keganasan mereka” dalam masa yang genting terhadap kepada bangsa Melayu! Kita mengetahui bahawa kita sebagai orang Islam tidak boleh mempercayai kepada akuan taat setia orang-orang itu – bukti telah menunjukkan bagaimana taat setia mereka kepada negeri ini di dalam beberapa perkara yang terjadi di dalam masa yang telah lalu.

Apakah daya upaya kita untuk mengelakkan gerak langkah dan cita-cita Dato' Onn yang dengan terang boleh saya sebut nampaknya terpesong daripada maksud dan tujuan orang Melayu dan nampaknya, menurut pendapat saya akan menenggelamkan bangsa Melayu di dalam negerinya sendiri dan menghapuskan iktisad bangsa Melayu, memberikan hak mutlak orang Melayu kepada anak dagang yang belum tiba masanya mesti diberi kepada mereka itu yakni sebelum perjanjian kerajaan British diisi untuk melayakkan anak-anak Melayu memerintah di dalam negerinya sendiri. Jalannya hanya satu sahaja: Orang-orang Melayu hendaklah bersatu sekali lagi untuk menegakkan suara menuntut hak-hak mereka iaitu bersatu di atas nama agama – dengan ini kita ada mempunyai lagi satu tujuan yang besar iaitu kita berhak atas agama kita di negeri ini, mengikut perjanjian Federation dengan tidak diganggu oleh pertadbiran British.

Kita sebagai orang Melayu yang beragama Islam wajiblah berpegang kepada hak-hak agama dengan tidak terikut-ikut kepada kebangsaan yang haram pada pandangan agama sebagaimana yang dianjurkan oleh Dato' Onn itu yang kita mengetahui daripada siaran-siaran dan ucapan-ucapan pertadbiran bahawa cita-cita Dato' Onn itu bukannya cita-cita orang Melayu, menurut pendapat saya ialah cita-cita pertadbiran di negeri Melayu

– buktinya semaklah segala ucapan-ucapan dan risalah-risalah yang ditaburkan kepada orang-orang Melayu dengan tujuan kepada cita-cita hendak menjadikan suatu rupa bangsa menukar bangsa Melayu menjadi bangsa lain di dalam negeri tempat tumpah darahnya sendiri.

Sesiapa daripada pembaca-pembaca yang telah membaca buku “Amaran” tentu dengan terang telah nampak dan mengetahui bagaimana gerak langkah Dato’ Onn. Sebelum segala gerak langkahnya itu dapat dihalangi dengan menubuhkan sebuah pertubuhan Islam yang menjadi tentangan kepada cita-cita yang melucutkan hak-hak orang Melayu di negeri ini yang tunas-tunasnya telah pun ditanam di dalam UMNO itu maka sayogialah Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu terlebih dahulu berdiri menentang gerak-gerak untuk menghapuskan hak-hak bukan sahaja hak-hak orang Melayu umumnya tetapi hak-hak Raja-raja sendiri.

Ingatlah bahawa Raja itu tidak akan menjadi Raja kalau tidak ada rakyatnya – Raja Melayu tidak akan menjadi Raja kalau tidak ada orang Melayu. Dengan demikian menjadi satu tanggungjawab mereka itu mempertahankan hak-hak orang Melayu dan mencabar segala langkah-langkah yang cuba dilakukan untuk merosakkan hak-hak itu sama ada dari orang Melayu sendiri apalagi daripada anak-anak dagang ataupun daripada pertadbiran British. Janganlah leka menjaga masalah sendiri tetapi pandanglah bahawa masalah umum itu lebih aila daripada masalah diri terutamanya di dalam masa keadaan yang orang-orang Melayu sendiri yang nampaknya ada bercita-cita menyerahkan hak-haknya itu kepada orang lain adanya.

---

## MENULIS

---

Sebelum tuan menulis lebih dahulu tuan periksa atau ingati adakah tulisan tuan yang baharu itu berlawanan dengan tulisan tuan yang lama! Adakah ia tegap di atas asasnya yang kuat atau tidak?! Janganlah menulis

mengikut kehendak dan kemahuan tangan sahaja sehingga tulisan tuan berlawanan di antara satu dengan lain dan tidak kuat menahan bahasan orang lain. Yang demikian ini membawa kesudahan bahawa tulisan tuan itu berkisar-kisar ke sana ke mari – tidak mempunyai perdirian yang tetap! Tuan sendiri tidak yakin atas kebenaran tulisan tuan itu apalagi orang lain. Camlah jika tuan hendak selamat menulis – jangan seperti lalang ditiup angin ke mana angin bertiup ke sana pergi – sekarang bersetuju, dahulu “anti” padahal perkaranya sama jua.

---

## SATU PERTANYAAN!

---

Saya tahu tuan suka kepada ilmu tetapi tuan menuntunya dengan malas; tuan suka kepada harta tetapi tuan mencarinya dengan berpeluk tangan. Jika keadaan tuan demikian maka saya suka mendatangkan pertanyaan sudahkah tuan dapati anak yang dizahirkan ibunya terus menjadi alim? Dan sudahkah tuan lihat harta tuan turun dari langit sebagai air hujan turun? Jika tuan belum medapati dan melihat mengapakah tuan masih malas dan berpeluk tangan jua? – Muhammad Ali.

-----\*-----\*-----  
Sesungguhnya sekaya-kaya kekayaan ialah akal; dan sebanyak-banyak kemiskinan ialah kebodohan.

-----\*-----\*-----  
Apabila hilang malu maka datanglah bala.

-----\*-----\*-----  
Sejahat-jahat manusia iaitu mereka yang menolong perbuatan orang yang menganiaya dan membiarkan orang teraniaya.

-----\*-----\*-----  
Semulia-mulia manusia ialah orang yang nafsu syahwatnya tidak merosakkan agamanya.